

Kuantan: Pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam, Alex Tiong Sie Hung dinobatkan sebagai Olahragawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada Majlis Penghargaan Sukan UMP 2017/2018 di Indera Mahkota di sini, baru-baru ini.

Alex yang menceburi sukan renang cemerlang apabila meraih lapan pingat emas, lima pingat perak dan dua pingat gangsa pada Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2018 dan satu pingat gangsa di Kejohanan Sukan Institut Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2018.

Sementara itu, pelajar Fakulti Sains dan Teknologi Industri, Nurul Hani Shafiza Hassan pula dinobatkan sebagai Olahragawati UMP 2018 atas kejayaannya memperoleh masing-masing satu pingat gangsa di MASUM 2017 dan SUKIPT 2018.



TIMBALAN Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin (tengah) bersama penerima anugerah sukan pada Majlis Penghargaan Sukan UMP 2017/2018 di Indera Mahkota, baru-baru ini.

Atlet boling padang, Muhammad Hafizudin Mohd Nasri dan altet petanque, Nur Nadhirah Ab Rasul masing-masing dinobatkan Olahragawan dan Olahragawati Harapan UMP.

Bagi Anugerah Pasukan Terbaik pula telah dimenangi oleh pasukan memana compound lelaki manakala jurulatih boling padang, Mohd Faizul Ghafar menerima Anugerah Jurulatih Terbaik.

Pada majlis sama juga turut disampaikan intensif kece merlangan Sukan UMP 2018 kepada atlet yang mengha-

rumkan nama universiti di kejohanan yang berlangsung sepanjang 2017 dan 2018.

Semua anugerah dan insentif disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal

Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin.

Turut hadir Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd Rahman Safie.

Sementara itu, Yuserrie dalam ucapannya, berkata beliau berbangga dengan pencapaian atlet UMP dan mengharapkan usaha berterusan dapat dilaksanakan oleh pihak yang terbabit dalam mencari bakat-bakat baharu yang cemerlang bagi mewakili universiti ke kejohanan sukan utama pada masa akan datang.

"Malam penghargaan ini juga adalah sebagai wadah bagi meningkatkan penglibatan pelajar UMP yang mengharumkan nama universiti di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

"Melalui penghargaan ini dapat memberikan suntikan motivasi kepada mereka untuk terus mengharumkan nama universiti dan Malaysia pada masa hadapan," katanya.